

PERANAN PELAJAR TVET PENGURUSAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI DALAM PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI DI SABAH

THE ROLE OF STUDENTS IN THE TOURISM AND HOSPITALITY MANAGEMENT MAJOR IN THE DEVELOPMENT OF COMMUNITY-BASED TOURISM IN SABAH

Arif Ikhsan bin Azizi¹
Nur Khaironisa binti Wet²
Wasti Dominic³

^{1,2,3}Program Sijil Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Beaufort, 89807 Beaufort, Sabah, Malaysia.
E-mail: arif.azizi@kkbeaufort.edu.my

Article history

Received date : 21-12-2024
Revised date : 25-12-2024
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Azizi, A. I., Wet, N. K., & Dominic, W. (2025). Peranan pelajar TVET Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dalam pelancongan berasaskan komuniti di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 67 - 75.

Abstrak: *Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) merupakan satu pendekatan pelancongan yang semakin mendapat perhatian kerana potensinya dalam mempromosikan pembangunan mampan, di samping memperkasa komuniti tempatan. Dalam konteks Sabah, yang kaya dengan biodiversiti dan budaya tempatan, pelajar dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti khususnya pelajar-pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam memperkasa CBT. Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan pelajar dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti terhadap pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Sabah. Melalui soal selidik yang merangkumi dimensi pengetahuan, penglibatan, dan sikap, dapatan kajian menunjukkan responden iaitu pelajar dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti TVET, mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap konsep CBT, dengan sikap positif terhadap pembangunan pelancongan komuniti. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti TVET dilihat memainkan peranan penting dalam mempromosikan program pelancongan berasaskan komuniti melalui media sosial atau saluran lain pelancongan mampan, di samping terlibat secara langsung dalam merancang projek pelancongan untuk komuniti tempatan. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar sebagai agen perubahan utama dalam memperkasakan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah. Kajian ini menyerlahkan keperluan untuk meningkatkan pendedahan praktikal dan latihan lapangan dalam kurikulum TVET. Penemuan ini memberikan panduan kepada institusi pendidikan dan penggubal dasar dalam memperkukuhkan peranan pelajar TVET sebagai agen perubahan dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah.*

Kata Kunci: *Pelajar TVET, Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti, Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT), Sabah*

Abstract: *Community-Based Tourism (CBT) is a tourism approach that is gaining attention due to its potential in promoting sustainable development, while empowering local communities. In the context of Sabah, such as biodiversity and local culture, students in the Tourism and Hospitality Management major, especially students in Technical and Vocational Education and Training (TVET) play an important role in empowering CBT. This study aims to assess the role of students in the Tourism and Hospitality Management major in the development of Community-Based Tourism (CBT) in Sabah. Through a questionnaire that includes the dimensions of knowledge, involvement, and attitude, the study findings show that the respondents, namely students in the Tourism and Hospitality Management TVET major, have a high level of knowledge and awareness of the CBT concept, with a positive attitude towards the development of community tourism. The study findings also show that students in the Tourism and Hospitality Management TVET major are seen to play an important role in promoting community-based tourism programs through social media or other sustainable tourism channels, in addition to being directly involved in planning tourism projects for local communities. The findings of this study show that students are the main change agents in empowering community-based tourists in Sabah. This study provides a need to increase practical exposure and field training in the TVET curriculum. The findings provide guidance to educational institutions and policy makers in strengthening the role of TVET students as agents of change in the development of community-based tourism in Sabah.*

Keywords: *TVET Students, Tourism and Hospitality Management, Community-Based Tourism (CBT), Sabah*

Pengenalan

Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) semakin diiktiraf sebagai pendekatan yang mampan dalam pembangunan sektor pelancongan, khususnya di negeri Sabah yang kaya dengan khazanah biodiversiti dan warisan budaya. Sabah, sebagai destinasi pelancongan yang popular, berpeluang memanfaatkan CBT bagi memastikan pelancongan tidak hanya menguntungkan industri tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat setempat. Dalam konteks ini, pelancongan bukan sahaja menjadi sumber pendapatan ekonomi tetapi juga berfungsi sebagai alat pemeliharaan budaya tempatan yang unik (Muhamad et al., 2024). Melalui CBT, komuniti tempatan berperanan sebagai penggerak utama dalam pembangunan dan pengurusan produk pelancongan, yang memberikan mereka peluang untuk memperoleh pendapatan, melindungi alam sekitar, dan memelihara tradisi budaya (Galib & Shah, 2023).

Dalam masa yang sama, pelajar dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan CBT di Sabah. Penglibatan pelajar membawa dimensi baharu dalam pelaksanaan CBT, terutamanya melalui aplikasi pengetahuan akademik yang diterima semasa pengajian sama ada secara teoretikal atau praktikal (Junaid et al., 2021). Walau bagaimanapun, terdapat jurang pengetahuan yang perlu dijelaskan, khususnya dalam mengenal pasti sumbangan yang boleh diberikan oleh pelajar TVET ini kepada pembangunan CBT serta bagaimana pengetahuan akademik dapat diintegrasikan secara berkesan dengan amalan lapangan.

Salah satu masalah utama dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah adalah kekurangan penyelidikan yang mendalam mengenai peranan pelajar TVET dalam sektor ini. Tanpa kajian yang mencukupi, sukar bagi pembuat dasar dan institusi pendidikan untuk merumuskan strategi yang lebih berkesan dalam mengintegrasikan pelajar TVET ke dalam

sektor CBT. Jurang pengetahuan ini penting untuk diatasi bagi memastikan pelajar TVET bukan sahaja dilatih dari segi akademik, tetapi juga mampu memberi impak positif terhadap pembangunan komuniti melalui CBT. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan pelajar TVET dalam Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti terhadap pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah. Penemuan daripada kajian ini dijangka memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Bagi ahli akademik, penemuan ini menyediakan data empirikal yang boleh menyokong perkembangan kurikulum TVET khususnya dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti. Untuk pengamal industri pelancongan, penyelidikan ini dapat membantu dalam memahami bagaimana untuk mengintegrasikan pelajar TVET secara lebih berkesan dalam projek-projek CBT yang ada.

Kajian Literatur

Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) telah berkembang sebagai satu pendekatan penting dalam sektor pelancongan, terutamanya di kawasan yang mempunyai warisan budaya dan biodiversiti yang kaya seperti Sabah. CBT bertujuan untuk memberi manfaat kepada komuniti tempatan, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga melalui pemeliharaan budaya dan perlindungan alam sekitar (Ibrahim & Lyndon, 2021). Menurut kajian oleh Galib & Shah (2023), CBT berfungsi untuk memperkasa komuniti dengan memberi mereka kawalan langsung terhadap produk pelancongan yang mereka kembangkan, menjadikan komuniti sebagai penerima faedah utama pelancongan. Di Sabah, CBT menjadi platform untuk komuniti tempatan melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan pelancongan dalam masa yang sama meningkatkan ekonomi tempatan melalui program pelancongan yang dikendalikan oleh penduduk tempatan (Kumalah et al., 2024). Menurut laporan Sabah Media (2024), inisiatif seperti Program Pelancongan Berasaskan Komuniti di Kampung Malubang, Pitas, yang dilaksanakan oleh pelajar dan ahli akademik dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS), menunjukkan potensi besar dalam memperkasakan ekonomi penduduk melalui pelancongan.

Sabah, yang kaya dengan flora, fauna, dan budaya etnik, dilihat sebagai tempat yang ideal untuk pembangunan pelancongan mampan berasaskan komuniti. Kajian oleh James & Hussin, (2022) menekankan bahawa CBT di Sabah memainkan peranan penting dalam memelihara warisan alam dan budaya, di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Selain itu, menurut Abdurahman et al. (2023), CBT telah membantu menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk di kawasan luar bandar yang terlibat secara langsung dalam program pelancongan. Ini turut menyumbang kepada usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti pedalaman dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pelajar yang dilatih dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dilihat mempunyai potensi besar dalam memperkasa CBT. Pelajar TVET bukan sahaja dilengkapi dengan pengetahuan teori tetapi juga kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menyokong pelancongan mampan. Menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pendidikan TVET memainkan peranan penting dalam membangunkan kapasiti tenaga kerja pelancongan, terutamanya dalam menguruskan projek-projek CBT (UMPSA, 2024). Dalam laporan UNESCO (2024), pelajar TVET dengan latar belakang pengurusan pelancongan dan hospitaliti memberi sumbangan yang signifikan dalam merancang dan melaksanakan inisiatif pelancongan yang mampan. Riswano & Widiaty (2023), menekankan kepentingan penglibatan pelajar TVET dalam pelancongan berasaskan komuniti kerana mereka dapat mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di institusi pendidikan secara langsung dalam projek-projek lapangan. Pelajar TVET sering terlibat dalam aktiviti seperti

penyelidikan komuniti, latihan pengurusan pelancongan, dan projek penjenamaan destinasi yang membantu meningkatkan daya tarikan kawasan pelancongan tempatan. pendidikan formal dalam TVET membekalkan pelajar dengan kemahiran asas dalam perancangan strategik, pemasaran, dan pengurusan acara yang diperlukan untuk memajukan CBT.

Di Songkhla, Thailand, Pratiwi et al. (2024) meneliti peranan program pendidikan dan latihan dalam pembangunan ekopelancong berasaskan komuniti, mendapati bahawa program pendidikan dan latihan memberi sumbangan yang penting dalam memperkukuh kapasiti komuniti tempatan untuk menguruskan pelancongan berasaskan komuniti di Songkhla, Thailand. Di Daerah Sangalla Utara, Tana Toraja, Indonesia kajian oleh Maisandrya et al. (2024), menekankan kepentingan kerjasama antara kerajaan dan institusi pendidikan untuk meningkatkan kualiti sumber manusia dalam mempromosikan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT). Kolaborasi bersama institusi pendidikan berfungsi sebagai agen perubahan dengan melengkapkan komuniti dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam mempromosikan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT). Di Malaysia, Ibrahim & Lyndon (2021), mendapati penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan luar bandar adalah kunci kepada kejayaan CBT. Melalui kerjasama dan gotong-royong, komuniti dapat membangunkan produk pelancongan yang unik dan menarik, sambil memastikan manfaat ekonomi dikongsi bersama.

Walaupun pelajar TVET mempunyai potensi besar dalam menyokong CBT, beberapa kajian menonjolkan cabaran yang dihadapi dalam mengintegrasikan mereka secara efektif dalam pembangunan pelancongan komuniti. Antara cabaran yang ketara adalah, pelajar sering menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan teori akademik dengan realiti lapangan, terutama dalam situasi di mana sumber atau infrastruktur di komuniti tempatan adalah terhad (Nordin et al., 2023). Selain itu, terdapat isu kurangnya sokongan sistematik daripada pihak industri untuk melibatkan pelajar secara berterusan dalam projek CBT (Adam et al., 2020). Hal ini menjadi halangan utama dalam memastikan kelestarian projek pelancongan komuniti yang dibantu oleh pelajar TVET. Kajian oleh UNESCO (2024) menggariskan bahawa TVET mempunyai peranan penting dalam pembangunan pelancongan mampan dengan menyediakan pendidikan yang relevan untuk memenuhi keperluan industri pelancongan yang berkembang. Di Malaysia, pelajar TVET dilihat sebagai aset penting dalam meningkatkan daya saing sektor pelancongan tempatan, terutama dalam pelancongan berasaskan komuniti. Pendidikan TVET membolehkan pelajar menguasai kemahiran teknikal serta pengurusan yang diperlukan untuk merancang dan mengendalikan program-program CBT dengan lebih berkesan. Kajian literatur ini menunjukkan bahawa pelancongan berasaskan komuniti (CBT) di Sabah berpotensi untuk dimajukan melalui penglibatan pelajar TVET yang dilatih dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menilai peranan pelajar jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti, TVET dalam pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) di Sabah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengukuran data yang objektif, serta membantu untuk mengkuantifikasikan tahap kesedaran, pengetahuan, penglibatan, dan sikap pelajar terhadap CBT melalui soal selidik yang diedarkan secara meluas kepada responden. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan, yang mana data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang disediakan untuk pelajar TVET dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti. Tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan pelajar dalam pembangunan pelancongan komuniti, serta untuk memahami cabaran yang mereka hadapi dan sumbangan yang mereka boleh berikan kepada pembangunan CBT. Populasi

kajian terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti di institusi TVET di Sabah. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap pelajar dalam populasi kajian mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden.

Instrumen utama kajian adalah soal selidik yang direka bentuk berdasarkan dimensi-dimensi utama yang ingin diukur, iaitu; Pengetahuan tentang CBT= Soalan berkaitan pemahaman pelajar mengenai konsep dan prinsip Pelancongan Berasaskan Komuniti ;Penglibatan dalam Aktiviti CBT = Soalan yang mengukur tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti dan projek CBT yang dianjurkan semasa latihan atau kursus TVET; Sikap terhadap CBT= Soalan untuk menilai sikap pelajar terhadap CBT, termasuk pandangan mereka terhadap faedah dan cabaran CBT. Soal selidik ini terdiri daripada soalan tertutup menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju) bagi mengukur sikap dan tahap persetujuan responden terhadap kenyataan yang diberikan. Soal selidik ini juga mengandungi soalan demografi seperti umur, jantina, tahap pendidikan, dan pengalaman pelajar dalam bidang pelancongan dan hospitaliti. Sebelum soal selidik ini diedarkan kepada sampel kajian iaitu pelajar yang sedang mengikuti jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti di institusi TVET di Sabah, kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 sampel kajian, dapatan daripada kebolehpercayaan kajian rintis $\alpha > 0.7$, menunjukkan kebolehpercayaan instrumen untuk kajian ini adalah diterima. Kajian diteruskan, soal selidik diedarkan kepada sampel kajian secara atas talian melalui e-mail dan Whatsapp. Disebabkan faktor kekangan masa dan penyertaan yang bersifat sukarela, hanya 108 respons daripada pelajar yang sedang mengikuti jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti di institusi TVET di Sabah dapat dikumpul. Menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29 data yang dikumpul daripada kajian ini dianalisis.

Penemuan

Demografi Kajian

Jadual 1 Demografi

| | | N | % |
|---------------------------------|------------------------|----|------|
| Jantina | Lelaki | 41 | 38.0 |
| | Perempuan | 67 | 62.0 |
| Umur | 18 - 20 Tahun | 82 | 75.9 |
| | 21 - 25 Tahun | 24 | 22.2 |
| | 26 - 30 Tahun | 1 | 0.9 |
| | 31 Tahun dan Keatas | 1 | 0.9 |
| Tahap Pengajian | Diploma | 46 | 42.6 |
| | Ijazah | 1 | 0.9 |
| | Sijil | 61 | 56.5 |
| Institusi TVET | Kolej Komuniti | 61 | 56.5 |
| | Politeknik | 47 | 43.5 |
| Pengalaman Dalam | Tiada Pengalaman | 53 | 49.1 |
| Pelancongan Berasaskan Komuniti | < 1 Tahun | 31 | 28.7 |
| | 1 - 2 Tahun | 22 | 20.4 |
| | Lebih daripada 2 tahun | 2 | 1.9 |

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden adalah perempuan (62%, N=67) dan lelaki (38%, N=41). Kebanyakan responden berumur antara 18-20 tahun (75.9%, N=82), diikuti oleh umur 21-25 tahun (22.2%, N=24). Dari segi tahap pendidikan, 56.5% (N=61) memiliki sijil, manakala 42.6% (N=46) mempunyai diploma. Responden terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti (56.5%, N=61) dan Politeknik (43.5%, N=47). Bagi pengalaman CBT, 49.1% (N=53) tiada pengalaman, sementara 28.7% (N=31) mempunyai pengalaman kurang dari satu tahun, 20.4% (N=22) satu hingga dua tahun, dan 1.9% (N=2) lebih daripada dua tahun.

Jadual 2 Min dan Interpretasi

| Skor Min | Interpretasi |
|-------------|------------------|
| 1.00 – 2.33 | Rendah/Negatif |
| 2.34 – 3.66 | Sederhana/Normal |
| 3.67 – 5.00 | Tinggi/Positif |

(Sumber: Masaha et al., 2023)

Jadual 3 Pengetahuan, Peranan dan Sikap Terhadap Pelancongan Berasaskan Komuniti di Sabah

| | Min | Sp |
|--|------|-------|
| Pengetahuan dan Kesedaran terhadap Pelancongan Berasaskan Komuniti | 4.27 | 0.622 |
| Peranan Pelajar dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti | 3.69 | 1.048 |
| Sikap terhadap Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti | 4.48 | 0.643 |

Sp- Sisihan piawai

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kesedaran, dan sikap pelajar TVET dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti terhadap pelancongan berasaskan komuniti (CBT) di Sabah adalah tinggi dan positif. Dari segi pengetahuan dan kesedaran terhadap CBT, pelajar mencatatkan skor min 4.27 dengan Sp 0.622, menunjukkan mereka mempunyai pemahaman yang kukuh tentang konsep dan manfaat CBT. Peranan pelajar dalam CBT pula memperoleh skor min 3.69 dengan Sp 1.048, yang menunjukkan persepsi positif terhadap sumbangan mereka, walaupun pada tahap yang sedikit lebih sederhana berbanding pengetahuan keseluruhan mereka. Dari segi sikap terhadap pembangunan CBT, skor min 4.48 dengan Sp 0.643 mencerminkan sikap yang sangat positif, di mana pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan pelancongan berasaskan komuniti. Kesimpulannya, dapatan ini menegaskan bahawa pelajar TVET memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah melalui kesedaran, pengetahuan, dan sikap yang positif terhadap pelancongan mampan ini.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar TVET dalam jurusan Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti di Sabah mempunyai pengetahuan, kesedaran, dan sikap yang sangat positif terhadap pelancongan berasaskan komuniti (CBT). Ini selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan peranan penting pelajar dalam menyokong pembangunan pelancongan mampan melalui pengetahuan dan penglibatan aktif mereka dalam inisiatif tempatan. Sebagai contoh, kajian oleh Zulkifli et al. (2021) mendapati bahawa kesedaran pelajar terhadap CBT membantu meningkatkan sokongan komuniti dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan. Namun begitu, hasil kajian ini juga menunjukkan peranan pelajar dilihat sedikit sederhana dalam aspek pelaksanaan sebenar projek CBT. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pengalaman lapangan yang lebih mendalam, di mana separuh daripada responden belum

terlibat secara langsung dalam projek CBT. Kekangan ini boleh diatasi dengan mengintegrasikan lebih banyak program latihan praktikal dan pendedahan lapangan dalam kurikulum TVET. Menurut Zainudin (2018), pendedahan awal kepada industri melalui lawatan lapangan, misalnya, memberikan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan membolehkan pelajar mengaitkan teori dengan amalan sebenar di lapangan, hal ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran dan sikap positif pelajar terhadap CBT.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa pelajar TVET dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti memainkan peranan penting dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti di Sabah. Pengetahuan, kesedaran, dan sikap positif mereka menunjukkan potensi besar dalam menyokong pelancongan yang mampan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk meningkatkan pendedahan praktikal bagi memastikan pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya pengetahuan akademik mereka dalam pelaksanaan projek CBT yang sebenar. Kajian masa depan disarankan untuk memberi tumpuan kepada strategi latihan yang lebih praktikal serta kajian jangka panjang mengenai impak penglibatan pelajar dalam pembangunan CBT. Penyelidikan ini memberikan panduan praktikal kepada institusi pendidikan dan penggubal dasar dalam memperkukuhkan peranan pelajar TVET sebagai agen perubahan dalam pembangunan pelancongan berasaskan komuniti.

Penghargaan

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, penyelidikan Peranan Pelajar TVET Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti di Sabah berjaya direalisasikan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada warga Kolej Komuniti Beaufort atas sokongan moral yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada para pelajar TVET khususnya dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti yang telah memberikan kerjasama dengan mengisi maklum balas serta berkongsi pandangan yang bernilai dalam penyelidikan ini. Data dan maklumat daripada mereka amat membantu dalam melengkapkan kajian yang dijalankan. Sokongan yang diberikan telah memberi nilai tambah yang signifikan kepada hasil penyelidikan ini.

Setulus penghargaan turut diberikan kepada rakan penyelidik, pensyarah Kolej Komuniti Beaufort serta individu-individu yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam menyumbang tenaga, masa, serta kepakaran sepanjang proses kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, penghargaan khas ditujukan kepada keluarga atas dorongan berterusan yang telah diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan serta menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

Rujukan

- Abdurahman, R., Hussin, R., & Nordin, D. S. N. D. (2023). Potensi Pembangunan Aktiviti Pelancongan Melalui Penginapan Inap Desa Berasaskan Komuniti Di Kampung Pulau Gaya, Kota Kinabalu Sabah. *Journal Of Borneo Social Transformation Studies*, 9(1), 58-77. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v9i1.4759>
- Adam, S., Rasul, M. S., & Yasin, R. M. (2020). Isu keterlibatan industri dalam pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Malaysia. *Journal of Issue In Education*, 43, 1-12.
- Galib, S. R., & Shah, J. M. (2023). Penglibatan Komuniti Dalam Program Homestay Berasaskan Ekopelancongan Kajian Kes Kampung Pinagon Baru, Ulu Kulu, Tuaran, Sabah. *Journal Of Borneo Social Transformation Studies*, 9(1), 114-128. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v9i1.4763>
- Ibrahim, M. A., & Lyndon, N. (2021). Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar. *e-BANGI Journal*, 18(2). <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3612>
- James, J., & Hussin, R. (2022). Impak Aktiviti Pelancongan Ke Atas Komuniti Setempat Di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, Malaysia: Impact Of Tourism Activities On The Local Communities In Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah, Malaysia. *Journal Of Borneo Social Transformation Studies*, 8(1), 56-87. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3612>
- Junaid, I., Sigala, M., & Banchit, A. (2021). Implementing community-based tourism (CBT): Lessons learnt and implications by involving students in a CBT project in Laelae Island, Indonesia. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*, 29, 100295. <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2020.100295>
- Kumalah, M. J., Samsul, S. S., Rashid, R., & Junairin, M. (2023). Implikasi Dan Penglibatan Komuniti Dalam Sektor Pelancongan Di Pulau. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 9(1), 47-57. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v9i1.4758>
- Maisandrya, R., Wuisang, C. E. V., & Warouw, F. (2024). Analisis potensi wisata berbasis komunitas di kecamatan sangalla utara, kabupaten tana toraja. *RADIAL : Jurnal Peradaban Sains, Rekayasa Dan Teknologi*, 12(2), 224-239. DOI:10.37971/radial.v12i2.476
- Masaha, M. F., Jamaluddin, N. S. A., Yusof, R., & Ahmad, N. L. (2023). Exploring the Determinants Factors on Learning Environment within Accounting Field. *CEMJP*, 31(3), 153-164. 10.32052/23364890.cemj.31.2.125
- Muhamad, A., & Amirah, Y. (2024). Arkeo-Pelancongan di Tapak Bandaraya Warisan Dunia UNESCO: Tumpuan di Malaysia. DOI:10.17576/jatma-2024-1203-03
- Nordin, A. S. M., Alias, B. S., & Mahamod, Z. (2023). Pendigitalan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 1(1), 66-72. <https://www.jppt.my/wp-content/uploads/2023/04/7.pdf>
- Pratiwi, B. P. P., Kartina, A., Wardhana, F. H., Hartono, G. A., Brilliant, I. T., Arrasyid, M. I., ... & Azzam, R. J. (2024). Community capacity enhancement in community based tourism (cbt) management in songkhla, thailand through education and training. *Jurnal Layanan Masyarakat (Journal of Public Services)*, 8(4), 596-611. <https://e-journal.unair.ac.id/jlm/article/view/57612>
- Riswano, R., & Widiaty, I. (2023). Identification of Competencies for Green Jobs in Tourism Skills at TVET: A Systematic Literature Review. *Journal of Vocational Education Studies*, 6(2), 198-213. DOI:10.12928/joves.v6i2.8182
- Sabah Media. (2024). Program pelancongan berasaskan komuniti usaha perkasa ekonomi penduduk. *Berita*.

- UMPSA. (2024). Transformasi TVET sebagai Ekosistem Pelancongan Pendidikan Global. <https://news.umpsa.edu.my/experts/transformasi-tvet-sebagai-ekosistem-pelancongan-pendidikan-global>
- UNESCO. (2024). Innovation and learning practices in TVET from the hospitality and tourism sector: Examples from Africa, Asia and Europe. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000391116.locale=en>
- Zainudin, J. (2018). Keberkesanan Pendedahan Awal Pelajar Kepada Industri Menerusi Lawatan Lapangan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Program Rekabentuk Dan Pembuatan Perabot Kolej Komuniti Kuala Langat: Satu Tinjauan Kes. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018. https://conference.uis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_2301.pdf